

03 Mac 2026

Koperasi Anggota KOPSYA,

Y.Bhg. Tan Sri / Y.Bhg. Pn Sri / Y.Bhg. Datuk Seri / Y.Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin / Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD (KOPSYA) KALI KE-12 TAHUN 2026

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa MAPT KOPSYA Kali Ke-12, Tahun 2026 akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 21 Jun 2026 (Ahad)
Masa : 9.00 pagi
Tempat : Auditorium ANGKASA
Kaedah : Hibrid (Aplikasi Tele-Conferencing Zoom Meeting)

2. Berdasarkan Undang-undang Kecil (UUK) KOPSYA: 36 (1), sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap mesyuarat agung perwakilan tahunan. Lima (5) orang Anggota Lembaga KOPSYA yang akan gugur adalah seperti berikut: -

Bil	Nama	Nama Koperasi
1.	Datuk Seri Dr. Haji Abdul Fattah bin Haji Abdullah	Koperasi Kariah Masjid Kampung Lubuk Kulit Lipis Berhad
2.	Dato' Haji Mohd Jamil bin Othman	Koperasi Bersatu Kepala Bukit Permatang Pauh Berhad
3.	Haji Mohamad Noor bin Mohamad	Koperasi Muslimin Malaysia Berhad
4.	Norizah binti Abdullah	Koperasi Usahawan Kecil Raub Berhad
5.	Haji M.Nasir Bin Ramli	Koperasi Usaha Maju Kuala Lumpur Berhad

3. Semua perwakilan yang layak **HENDAKLAH** mengisi borang-borang yang disertakan bersama notis ini seperti berikut: -

i.	BORANG 1A	-	Borang Penamaan Perwakilan
ii.	BORANG 1B	-	Borang Penamaan Calon Anggota Lembaga / Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan
iii.	BORANG 1C	-	Borang Akuan Berkanun, Persetujuan Pendedahan dan Penyemakan Keutuhan SPRM
iv.	BORANG 1D	-	Borang Biodata Calon Anggota Lembaga
v.	BORANG 1E	-	Borang Usul
vi.	BORANG 1F	-	Borang Soalan

4. Koperasi anggota **TIDAK LAYAK** menghantar perwakilan dan menjadi calon Anggota Lembaga atau calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit sekiranya koperasi anggota mempunyai pembiayaan tidak berbayar dengan koperasi selama enam (6) bulan berturut-turut sehingga tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025, berdasarkan Garis Panduan SKM 14-01.

5. Perwakilan hendaklah membuat pilihan dan pengesahan kehadiran secara **FIZIKAL** atau **MAYA** di dalam Borang 1A. Kos perbelanjaan perjalanan pergi dan balik serta penginapan semasa MAPT tidak ditanggung oleh KOPSYA.

6. Untuk makluman, Koperasi dibenarkan mencalonkan **SEORANG SAHAJA** sama ada sebagai Anggota Lembaga atau Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit.

7. Hanya calon-calon Anggota Lembaga yang melepasi proses penentusahan oleh SKM selaras dengan peruntukan yang ditetapkan di dalam Garis Panduan 3 dan Subseksyen 43 (2) Akta Koperasi 1993 layak untuk bertanding.

8. Calon Anggota Lembaga dan Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit **WAJIB** hadir secara **FIZIKAL** pada hari MAPT dan hilang kelayakan bertanding sekiranya gagal hadir secara fizikal.

9. Borang-borang yang lengkap perlu dihantar ke pejabat KOPSYA sama ada secara emel, pos atau faks **SEBELUM JAM 5 PETANG** seperti di bawah:

Bil	Perkara	Borang	Tarikh Akhir
1.	- Borang Penamaan Calon Anggota Lembaga / Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan - Borang Akuan Berkanun, Persetujuan Pendedahan dan Penyemakan Keutuhan SPRM - Borang Biodata Calon Anggota Lembaga	1B	07 April 2026 (Selasa)
		1C	
		1D	
2.	- Borang Penamaan Perwakilan - Borang Usul	1A	17 April 2026 (Jumaat)
		1E	
3.	Borang Soalan	1F	12 Jun 2026 (Jumaat)

Borang yang diterima **SELEPAS JAM 5 PETANG** pada tarikh-tarikh yang dinyatakan di atas **TIDAK** akan diproses.

10. Sebarang pertanyaan sila hubungi pejabat KOPSYA di talian 03-78031214 atau urusetia KOPSYA di senarai yang dilampirkan.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,
KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD

HAJI ALIMEN BIN AHMAD B.K.M
Setiausaha

s.k - Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan
- Anggota Lembaga Koperasi, KOPSYA
- Jawatankuasa Audit Dalaman, KOPSYA

**ATURCARA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA KALI KE-12 TAHUN 2026**

HARI PERTAMA

20 Jun 2026 (Sabtu)
(Sehari Sebelum MAPT)

**PENDAFTARAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA
(MAPT)**

8:00 pagi - 11:59 malam - Pendaftaran Perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KOPSYA Ke-12 Tahun 2026

Melalui pautan mapt12.kopsya.coop

HARI KEDUA

21 Jun 2026 (Ahad)

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KOPSYA (MAPT)

- | | |
|-----------------------------|--|
| 7:30 pagi – 9:00 pagi | - Daftar Masuk Mesyuarat |
| 8:30 pagi - 9:00 pagi | - Taklimat Kempen Keanggotaan dan Penambahan Syer KOPSYA |
| 9:00 pagi - 10:00 pagi | - Ketibaan Anggota Lembaga KOPSYA

Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Korporat KOPSYA

Bacaan Doa

Ucapan Aluan oleh Pengerusi KOPSYA

Tayangan Video Korporat dan Testimoni |
| 10:00 pagi sehingga selesai | - Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA (MAPT) bermula |

**SYARAT DAN KELAYAKAN PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN
TAHUNAN KOPSYA KALI KE-12 TAHUN 2026**

PENCALONAN ANGGOTA LEMBAGA [UUK KOPSYA 35]

35. Tiada seorang perwakilan pun layak menjadi Anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang Anggota Lembaga, jika dia —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta;
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu Koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Koperasi ini;
- (d) ada percanggahan kepentingan dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Koperasi ini;
- (e) belum genap tempoh dua tahun menjadi anggota Koperasi yang telah didaftarkan melebihi dua tahun; atau
- (f) tidak memegang jawatan sebagai Anggota Lembaga dalam Koperasinya.

PERATURAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT)

KEHADIRAN ANGGOTA DI DALAM MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT)

1. KELAYAKAN

UUK 25 (1) : Menurut seksyen 31 Akta, anggota boleh melantik mana-mana perwakilannya, yang mestilah anggota Lembaganya, sebagai proksinya bagi maksud mengundi di dalam perjalanan hal-ehwal Koperasi ini. Setiap perwakilan hendaklah mempunyai satu undi.

Garis Panduan 14-01: Anggota atau perwakilan tidak boleh disenaraikan dalam daftar pemilih jika –

- (a) tidak menjelaskan bayaran syer bagi perolehan yang ditentukan dalam undang-undang kecil koperasi;
- (b) tidak menjelaskan yuran-yuran bulanan bagi tiga bulan berturut-turut dalam tempoh **dua belas (12) bulan** sebelum tarikh penyediaan daftar pemilih;
- (c) tidak menjelaskan bayaran balik pinjaman kepada koperasi bagi **enam (6) bulan** berturut-turut dan tunggakan ini bukan disebabkan oleh majikannya atau Biro Perkhidmatan Angkasa atau koperasi.

2. BILANGAN WAKIL

UUK 25 (2) : Bilangan perwakilan yang boleh mewakili sesuatu anggota ke mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah berasaskan syernya dalam Koperasi ini sebagaimana nisbah berikut :-

- i. Bagi RM1,000.00 (Ringgit : satu ribu) hingga RM1,000,000.00 (Ringgit : satu juta) syer yang pertama, seorang perwakilan;
- ii. Tiap-tiap tambahan genap RM1,000,000.00 (Ringgit : satu juta) syer, seorang perwakilan; dan
- iii. Jumlah perwakilan bagi sesuatu anggota hendaklah tidak melebihi lima orang.

3. USUL

UUK 32(1)(m) : Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain lain koperasi yang baginya suatu notis yang tidak kurang daripada tujuh hari sebelum mesyuarat dipanggil telah diberikan kepada KOPSYA;

4. TARIKH TUTUP PENAMAAN CALON

Sila lengkapkan Borang 1B, 1C dan 1D dan kembalikan ke Pejabat KOPSYA melalui emel, pos atau faks. Dokumen Calon Anggota Lembaga/ Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit MAPT KOPSYA Kali Ke-12 Tahun 2026 yang bertanding hendaklah diserahkan kepada KOPSYA selewat-lewatnya **07 April 2026 (Selasa) sebelum jam 5 petang**.

5. TARIKH TUTUP PENAMAAN PERWAKILAN

Sila lengkapkan Borang 1A dan kembalikan ke Pejabat KOPSYA melalui emel, pos atau faks selewat-lewatnya **17 April 2026 (Jumaat) sebelum jam 5 petang**.

6. PERSETUJUAN PERWAKILAN

Perwakilan hendaklah menandatangani Persetujuan pada Borang 1A. Kegagalan berbuat demikian akan **TERBATAL** sebagai perwakilan.

TATACARA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT)

1. PERANTI

Perwakilan perlu menggunakan peranti masing-masing bagi tujuan pendaftaran dan pengundian.

2. EMEL

Semua maklumat dan dokumen akan disalurkan melalui alamat emel setiap perwakilan yang telah diberikan kepada KOPSYA.

3. DOKUMEN-DOKUMEN MESYUARAT

Perwakilan boleh memuat turun dokumen-dokumen termasuk Buku Laporan Tahunan, Buku Minit MAPT Kali Ke-11 2025, Buku Pencalonan dan Buku Usul di pautan <https://kopsya.coop/mapt-ke-12/> bermula **05 Jun 2026 (Jumaat)**.

4. PAKAIAN

Perwakilan hendaklah memakai pakaian yang kemas dan sopan.

5. PENDAFTARAN

FIZIKAL

- i. Setiap Perwakilan **WAJIB** mendaftar dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kegagalan mendaftar akan menyebabkan perwakilan dikira tidak menghadiri MAPT.
- ii. Pendaftaran perwakilan perlu dibuat secara maya (*on-line*) dan akan dibuka pada hari Sabtu 20 Jun 2026 bermula jam 8.00 pagi dan akan ditutup pada tepat jam 11.59 malam di pautan mapt12.kopsya.coop.
- iii. Perwakilan **WAJIB** log masuk mesyuarat secara maya (*on-line*) pada hari Ahad 21 Jun 2026 bermula jam 7.30 pagi sehingga jam 9.00 pagi dan menunjukkan bukti log masuk kepada urusetia bagi mengambil 'Tag Perwakilan' di kaunter.
- iv. Kerjasama semua perwakilan agar dapat membuat pendaftaran lebih awal bagi mengelakkan kehadiran tidak dapat didaftarkan.

MAYA

- i. Setiap perwakilan **WAJIB** mendaftar dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kegagalan mendaftar akan menyebabkan perwakilan dikira tidak menghadiri MAPT.
- ii. Pendaftaran akan dibuka pada hari Sabtu 20 Jun 2026 bermula jam 8.00 pagi dan akan ditutup pada tepat jam 11.59 malam di pautan mapt12.kopsya.coop.
- iii. Perwakilan **WAJIB** log masuk Mesyuarat secara maya (*on-line*) pada hari Ahad 21 Jun 2026 bermula jam 7.30 pagi sehingga selesai MAPT.
- iv. Kerjasama semua perwakilan agar dapat membuat pendaftaran lebih awal bagi mengelakkan kehadiran tidak dapat didaftarkan.

6. ETIKA MESYUARAT

FIZIKAL

- i. Perwakilan dikehendaki berada di dalam dewan mesyuarat 10 minit sebelum Taklimat Kempen Keanggotaan dan Penambahan Syer yang akan bermula pada jam 8.30 pagi.
- ii. Setiap Perwakilan hendaklah sentiasa memakai 'Tag Perwakilan' sepanjang mesyuarat berlangsung.

MAYA

- i. Perwakilan perlu meletakkan nama sebenar (Nama Penuh) masing-masing seperti Nama di MyKad dalam aplikasi ZOOM Meeting. Sila kemaskini nama sekiranya nama yang tertera adalah berbeza dari nama sebenar di MyKad.
- ii. Pastikan kamera sentiasa dibuka dan mikrofon sentiasa dalam mode senyap.
- iii. Perwakilan tidak dibenarkan membuat sebarang rakaman audio atau video tanpa kebenaran.
- iv. Jika Perwakilan mempunyai sebarang permasalahan, sila hubungi Helpdesk atau urusetia.

7. ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT

Elaun kehadiran mesyuarat akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank perwakilan (individu) yang aktif dalam tempoh 7 hari bekerja selepas MAPT.

TATACARA BERKEMPEN DAN TATA ETIKA CALON ANGGOTA LEMBAGA

1. TUJUAN

Tujuan Tatacara Berkempen dan Tata Etika Calon Anggota Lembaga Pemilihan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) KOPSYA [selepas ini dirujuk sebagai "Tatacara"] ini adalah untuk mewujudkan amalan, tatalaku dan etika yang terbaik semasa pemilihan MAPT demi kepentingan dan kebaikan semua pihak.

2. PATUH KEPADA UNDANG-UNDANG

Tatacara ini ialah panduan yang tertakluk kepada pemakaian semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan. Semua calon Anggota Lembaga yang mengambil bahagian dalam pemilihan MAPT hendaklah mematuhi undang-undang dan peraturan lain yang berkaitan.

3. KEMPEN

- a) Calon Anggota Lembaga tidak boleh mengadakan sebarang ceramah terbuka, perjumpaan awam terbuka, perhimpunan awam terbuka, pertunjukan awam terbuka atau hiburan awam terbuka melainkan jika mendapat permit yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan dimana aktiviti tersebut dijalankan;
- b) Pengendalian kaedah berkempen hendaklah dibuat dalam suasana aman, tenteram dan teratur serta mematuhi undang-undang iaitu:
 - i. Tidak berlaku apa-apa gangguan atau kekecohan ditimbulkan oleh mana-mana pihak tertentu;
 - ii. Tidak berlaku apa-apa bentuk kecaman ke atas hal ehwal peribadi mana-mana calon Anggota Lembaga, di khalayak umum yang mempunyai unsur-unsur berita palsu dan tidak benar, tohmahan, fitnah ataupun tuduhan yang tidak berasas;
 - iii. Tidak ada apa-apa bentuk rayuan atau dorongan untuk mendapatkan sokongan berdasarkan unsur-unsur dan semangat perkauman atau keagamaan;
 - iv. Apa-apa kritikan atau ulasan hendaklah tertumpu kepada persoalan dasar oleh calon Anggota Lembaga serta isu-isu yang berkaitan dengan aspek pentadbiran.
- c) Tidak boleh melakukan apa-apa tatalaku atau perbuatan (dalam bentuk lisan, tulisan atau apa-apa gambaran) yang boleh mencetuskan perasaan tidak senang, benci atau permusuhan antara kaum, agama atau budaya dalam kalangan perwakilan.

4. BAHAN KEMPEN

Semua pihak hendaklah mematuhi Garis Panduan No.13 Suruhanjaya Koperasi Malaysia iaitu Garis Panduan mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi (GP13).

5. HARI MENGUNDI

Semua calon Anggota Lembaga hendaklah:

- i. Tidak boleh merayu undi sama ada bertujuan untuk menyokong atau menentang calon Anggota Lembaga yang bertanding sebaik sahaja Pengerusi Mesyuarat mengumumkan MAPT berlangsung dengan rasminya;
- ii. Bekerjasama dalam memastikan proses pengundian dijalankan dengan aman, teratur dan mengikut undang-undang;
- iii. Patuh kepada peraturan dan arahan yang dikeluarkan;
- iv. Tidak melakukan apa-apa perkara yang boleh dianggap sebagai merasuah atau membeli undi;
- v. Tidak dengan apa cara jua pun menghalang, mengugut atau menakut-nakutkan perwakilan untuk mengundi;
- vi. Tidak mengibarkan sebarang bentuk bendera yang mempunyai simbol atau nombor calon Anggota Lembaga pada latar belakang (background) calon semasa perjalanan MAPT;

6. PENGIRAAN UNDI

- a) Tidak ada mana-mana pihak dibenarkan menghebahkan mana-mana keputusan pengiraan undi yang dijalankan sebelum diumumkan oleh Pengerusi MAPT;
- b) Proses pengiraan ini dipantau dan dikawal selia oleh Juruaudit Luar yang dilantik.

7. PENGUMUMAN KEPUTUSAN

Semua calon Anggota Lembaga hendaklah:

- i. Mengawal perasaan masing-masing bagi memastikan ketenteraman awam terpelihara semasa keputusan pemilihan diumumkan oleh Pengerusi MAPT;
- ii. Menunjukkan tatalaku yang baik dan saling menghormati calon Anggota Lembaga lain semasa keputusan diumumkan;
- iii. Tidak membuat sebarang tuduhan liar berkenaan dengan proses pengundian yang dijalankan. Sebarang rasa tidak puas hati hendaklah disalurkan melalui proses undang- undang.

8. BANTAHAN PENGUNDIAN

Jika terdapat calon yang ingin membuat bantahan dengan keputusan pengiraan undian, calon yang ingin membuat bantahan hendaklah :

- i. Mengisi Borang Bantahan Pengundian dengan lengkap.
- ii. Membayar wang bantahan sebanyak RM5,000.00 dan bayaran dibuat secara tunai dan tidak akan dikembalikan sekiranya bantahan yang diterima tidak benar / ditolak oleh Mesyuarat Jawatankuasa Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT).
- iii. Bantahan dihantar dalam tempoh 30 minit selepas diumumkan keputusan pengundian.
- iv. Setiap calon hanya dibenarkan menghantar satu Borang Bantahan Pengundian.

9. ADUAN DAN TINDAKAN TERHADAP PELANGGARAN TATACARA

- a) Mana-mana perwakilan yang ingin membuat aduan tentang pelanggaran tatacara kempen oleh mana-mana calon Anggota Lembaga boleh menghubungi KOPSYA di alamat emel info@kopsya.coop
- b) Calon yang ingin membuat aduan haruslah mengemukakan aduan berserta dengan bukti yang kukuh seperti di bawah :
 - i. Laporan polis;
 - ii. Rakaman suara;
 - iii. Rakaman video;
 - iv. Laporan perubatan;
 - v. Gambar; atau
 - vi. Dokumen seperti salinan cek, tiket penerbangan, baucar, resit atau invois.

10. PINDAAN, PERUBAHAN ATAU PEMBATALAN TATACARA

Semua calon Anggota Lembaga hendaklah mematuhi Tatacara ini dan ianya berkuatkuasa dan sebarang pindaan atau perubahan atau pembatalan akan dimaklumkan dari masa ke semasa setelah diluluskan oleh Lembaga KOPSYA.

AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT)

1. Melantik Pengerusi Mesyuarat
2. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-11 2025.
3. Membentang dan Menerima Laporan Lembaga bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2025.
4. Membentang Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Tempoh Januari sehingga Disember 2025.
5. Membentang dan Menerima Penyata Kewangan yang telah Diaudit Bagi Tempoh Januari Sehingga Disember 2025.
 - (i) Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA)
 - (ii) KOPSYA Resources Sdn Bhd (KRSB) – Subsidiari
6. Melantik 5 Anggota Lembaga sesi 2026/2028.
7. Melantik Jawatankuasa Penentusah Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA Kali Ke-12 2026
8. Membentang dan Meluluskan Elaun-elaun dan Manfaat-manfaat yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga dan Anggota Jawatankuasa.
9. Membentang dan Meluluskan Pindaan Belanjawan Bagi Tahun Kewangan 2026 dan Anggaran Belanjawan 2027.
10. Memilih Panel Juruaudit Luar Bagi Tahun 2026.
11. Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Kumpulan Wang Lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta;
12. Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.
13. Menimbang dan Meluluskan Cadangan Pemberian Dividen bagi 2025.
14. Mencadangkan Penjualan Hartanah Milik KOPSYA.
15. Mendengar dan Memutuskan Apa-apa Usul yang Diterima dari Perwakilan.

Urusetia KOPSYA yang boleh dihubungi:-

Bil	Nama	No. Telefon
1.	Nik Aida Binti Nik Yusoff	011-1150 8920
2.	Ahmad Hasbullah Bin Abdul Kadir	013-699 2026
3.	Nurfatin Binti Mohd Amin	014-946 4248
4.	Nik Ariana Balqis Binti Nik Mohd Hafiz	016-937 8678
5.	Nor Hanisah Binti Osman	011-1320 4349
6.	Mohd Adam Bin Mohammad	019-614 8082
7.	Muhammad Adri Khairi Bin Abd Shukor	011-6195 8568

No. Telefon : 03-7803 1214
No. Faks : 03-7803 1204
Emel : info@kopsya.coop
Website : www.kopsya.coop



**BORANG PENAMAAN PERWAKILAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA
KALI KE-12 TAHUN 2026**

Koperasi kami **AKAN** menghantar perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-12 Tahun 2026 yang akan diadakan pada **21 Jun 2026 (AHAD)**.

A. MAKLUMAT TERKINI KOPERASI:

Negeri : _____

No. Keanggotaan KOPSYA : _____

Nama Koperasi : _____

Alamat : _____

No. Telefon Koperasi : _____ **No. Faks** : _____

Alamat emel : _____

Maklumat Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari

Bil	Nama	Jawatan	No. Kad Pengenalan	Emel	No. Telefon
1.		Pengerusi			
2.		Timbalan Pengerusi			
3.		Setiausaha			
4.		Bendahari			

B. MAKLUMAT PERWAKILAN KOPERASI

Berdasarkan Undang-undang Kecil 25 (2) : **Kehadiran anggota di dalam mesyuarat agung perwakilan tahunan:**

Bilangan perwakilan yang boleh mewakili sesuatu anggota ke mesyuarat agung perwakilan tahunan hendaklah berasaskan syernya dalam Koperasi ini sebagaimana nisbah berikut :

- (a) Bagi RM1,000.00 (Ringgit : satu ribu) hingga RM1,000,000.00 (Ringgit : satu juta) syer yang pertama, seorang perwakilan;
- (b) Tiap-tiap tambahan genap RM1,000,000.00 (Ringgit: satu juta) syer, seorang perwakilan; dan
- (c) Jumlah perwakilan bagi sesuatu anggota hendaklah tidak melebihi lima orang

WAJIB DIISI (SILA SERTAKAN SALINAN KAD PENGENALAN PERWAKILAN)

NAMA PERWAKILAN (Mengikut Kad Pengenalan)			
JAWATAN			
NO. KAD PENGENALAN			
NO. TELEFON BIMBIT (No.SMS & No.Whatsapp)			
NAMA BANK DAN NO. AKAUN INDIVIDU			
EMEL PERWAKILAN			
KAEDAH KEHADIRAN (Tandakan ✓ pada yang berkenaan)	☐ MAYA	☐ FIZIKAL	

Nota :

- i. *Perwakilan secara MAYA mesti berada di Malaysia semasa simulasi dan mesyuarat berlangsung.*
- ii. *Semua bayaran elaun mesyuarat akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank perwakilan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas MAPT tertakluk kepada bank perwakilan.*
- iii. *Tiada pertukaran nama Perwakilan selepas 17 April 2026 (Jumaat)*
- iv. *Tiada pertukaran kaedah kehadiran selepas 05 Jun 2026 (Jumaat)*

C. PERSETUJUAN PERWAKILAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang telah diberikan adalah benar dan tepat. Saya membenarkan KOPSYA menggunakan maklumat ini bagi tujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Kali Ke-12 Tahun 2026.

.....
Tandatangan Perwakilan

.....
Tarikh

D. PENGESAHAN KOPERASI

1. Anggota Lembaga Koperasi kami telah bermesyuarat dan bersetuju mengesahkan Penamaan Perwakilan di atas.
2. Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat. Jika maklumat di atas didapati tidak benar, palsu dan tidak lengkap, KOPSYA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : (Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)
Tarikh : _____

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : (Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)
Tarikh : _____



Cop Koperasi



**BORANG PENAMAAN CALON ANGGOTA LEMBAGA / CALON ANGGOTA LEMBAGA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA KALI
KE-12 TAHUN 2026**

Borang ini hendaklah diserahkan kepada KOPSYA selewat-lewatnya **07 April 2026 (Selasa)** sebelum jam 5 petang.

A. MAKLUMAT CALON

☐

i. Calon Anggota Lembaga KOPSYA

☐

ii. Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit

* Wajib tandakan ✓ pada salah satu sahaja

Nama Calon : _____
Jawatan Dalam Koperasi : _____
No Telefon : _____
Alamat Emel : _____
Alamat Surat-Menyurat : _____

B. MAKLUMAT KOPERASI

Nama Koperasi : _____

No. Keanggotaan KOPSYA : _____
Tarikh Menganggotai KOPSYA : _____
No. Telefon : _____
No. Faks : _____
Alamat Emel : _____
Alamat Surat-Menyurat : _____

C. PERSETUJUAN CALON

Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang telah diberikan adalah benar dan tepat. Saya membenarkan KOPSYA menggunakan maklumat ini bagi tujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KOPSYA kali Ke-12 Tahun 2026.

.....
Tandatangan Calon

.....
Tarikh

Bersama-sama ini disertakan dokumen pengesahan saya sebagai calon Anggota Lembaga / calon Ahli Penentusah Minit ke mesyuarat tersebut:

- ☐ i. Borang Penamaan Perwakilan (BORANG 1A)
- ☐ ii. Borang Akuan Berkanun, Persetujuan Pendedahan dan Penyemakan Keutuhan SPRM (BORANG 1C)
- ☐ iii. Borang Biodata Calon Anggota Lembaga (BORANG 1D)
- ☐ iv. Salinan Sijil Menghadiri Kursus Wajib
- ☐ v. Gambar Berukuran Passport Terkini
- ☐ vi. Salinan Kad Pengenalan

Perkara (ii), (iii), (iv) dan (vi) untuk kegunaan pihak KOPSYA dan SKM.

<u>Untuk Calon Anggota Lembaga KOPSYA</u>	<u>Untuk Calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit</u>
Bil (i), (ii), (iii), (iv), (v) dan (vi) perlu disertakan	Bil (i), (v) dan (vi) perlu disertakan

D. PENGESAHAN KOPERASI

- Anggota Lembaga Koperasi kami telah bermesyuarat dan bersetuju mengesahkan Penamaan Calon di atas sebagai calon Anggota Lembaga atau calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit yang dipertandingkan.
- Bersama-sama ini disertakan **cabutan minit mesyuarat yang mencalonkan perwakilan daripada koperasi ini sebagai calon Anggota Lembaga atau calon Ahli Jawatankuasa Penentusah Minit. KEGAGALAN menyertakan cabutan minit mesyuarat yang diperakui dua daripada tiga (Pengerusi/ Setiausaha/ Bendahari) maka borang ini dianggap tidak lengkap dan boleh menyebabkan penamaan calon tidak diproses.**
- Kami dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa segala butiran dan keterangan yang diberikan di atas adalah benar dan tepat. Jika maklumat di atas didapati tidak benar, palsu dan tidak lengkap, KOPSYA berhak mengambil apa-apa tindakan termasuklah menolak dan tidak memproses borang ini.

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : (Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)
Tarikh : _____

Tandatangan : _____
Nama : _____
Jawatan : (Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)
Tarikh : _____



Cop Koperasi



**BORANG AKUAN BERKANUN, PERSETUJUAN PENDEDAHAN DAN
PENYEMAKAN KEUTUHAN SPRM**

Semakan dibuat oleh KOPSYA sahaja

AKUAN BERKANUN CALON ANGGOTA LEMBAGA

Saya, (nama calon) (No. K/P)
dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (a) Saya layak menurut subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993.
- (b) Saya bukan seorang bankrap dan tiada sebarang tindakan kebangkrapan sedang diambil terhadap saya.
- (c) Saya tidak pernah menghadapi sebarang tindakan atas suatu kesalahan berikut:
 - (i) Rasuah di bawah Akta Rasuah 1997; dan
 - (ii) Jenayah di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969.
- (d) Semua maklumat yang diberikan dalam borang 1B ini adalah benar, betul dan lengkap.

DAN SAYA MENAKUI DENGAN SESUNGGUH DAN SEBENARNYA MEMBUAT AKUAN INI DENGAN KEPERCAYAAN BAHAWA SEGALA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN DALAM BORANG INI ADALAH BENAR DAN LENGKAP, SERTA MENURUT AKTA BERKANUN 1960. DIPERBUAT DAN DENGAN SEBENAR-BENARNYA DIAKUI OLEH YANG TERSEBUT NAMANYA DI ATAS IAITU:

.....

DI

DI NEGERI

PADA HARIBULAN, TAHUN

DI HADAPAN SAYA,

(TANDATANGAN HAKIM MAHKAMAH SEKSYEN,
MAJISTRET ATAU PESURUHJAYA SUMPAN)

KEBENARAN CALON UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT

Menurut subseksyen 99(1)(a) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989, subseksyen 120(1)(c) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan subseksyen 34(3)(a) Akta Bank Islam 1983, saya dengan ini memberi kebenaran kepada institusi-institusi Berlesen, Institusi-institusi Kewangan Pembangunan, Bank-bank Islam dan Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd. ("Experian", Agensi Pelaporan Kredit) dan pelanggan Experian termasuk Bank/Institusi kewangan, syarikat yang perlu; mengikut cara yang di anggap perlu berkaitan dengan maksud yang berikut di mana akaun atau liabiliti saya disenggarakan, untuk mendedahkan kepada Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad sebarang maklumat berkaitan akaun dan liabiliti saya bagi tujuan memproses permohonan ini.

Saya juga dengan ini bersetuju segala maklumat yang diberikan akan digunakan untuk tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Tandatangan: Tarikh:

Nama Penuh:

<u>LAPORAN</u>		<u>KETERANGAN</u>
☐	SPeKAR	Laporan Kredit Lengkap :- SPGA +SPeKAR-B+CCRIS
☐	OA	Jabatan Insolvency Malaysia (Kebankrapan)
☐	SPRM	Tapisan Keutuhan SPRM

JUMLAH CAJ LAPORAN : RM30.00

Pembayaran boleh dilakukan melalui keadah :-

1. Tunai

2. Online Transfer / Deposit Tunai:

**Akaun CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
(KOPERASI PEMBIAYAAN SYARIAH ANGKASA BERHAD) NO.
AKAUN : 8600444179
No. Telefon : +603-7803 1214**

***Sila kepilkan bukti slip deposit**

Carian laporan hanya akan dilakukan setelah bukti pembayaran diterima

UNTUK KEGUNAAN KOPSYA

☐ Susulan Laporan

Tarikh Permohonan : _____

Tarikh Serahan : _____

RM yang diterima : _____

Catatan :

Pegawai KOPSYA

Tarikh :



**BORANG BIODATA
CALON ANGGOTA LEMBAGA**

Gambar terkini
2026 berwarna
bersaiz pasport

1. Butiran Calon

Nama : _____

Pingat Kebesaran*: _____

No. KP : _____

Tarikh Lahir : _____

Tempat Lahir : _____

Jantina : _____

Bangsa : _____

Agama : _____

Warganegara : _____

Alamat Rumah : _____

Organisasi : _____

Jawatan : _____

Tempat Bertugas : _____

Alamat Pejabat : _____

Tel. Pejabat : _____

**Mohon sertakan Salinan sijil yang diperakukan oleh Pesuruhannya Sumpah*

2. Rekod Akademik

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

3. Pengalaman Kerja

- i. Nama Agensi / Syarikat : _____
Jawatan : _____
Tempoh Bekerja : _____
- ii. Nama Agensi/ Syarikat : _____
Jawatan : _____
Tempoh Bekerja : _____
- iii. Nama Agensi/Syarikat : _____
Jawatan : _____
Tempoh Bekerja : _____

4. Aktiviti Luar

- i. Jawatan : _____
Nama Agensi/Syarikat : _____
- ii. Jawatan : _____
Nama Agensi/Syarikat : _____

5. Pengalaman / Penglibatan dan Keanggotaan dalam Koperasi:

	<u>Tempoh</u>	<u>Jawatan</u>
i.	_____	_____
ii.	_____	_____
iii.	_____	_____
iv.	_____	_____
v.	_____	_____

6. Pengalaman / Penglibatan dan Keanggotaan dalam Pertubuhan:

	<u>Tempoh</u>	<u>Jawatan</u>
i.	_____	_____
ii.	_____	_____
iii.	_____	_____
iv.	_____	_____
v.	_____	_____

This image shows a full page of blank, lined paper. It features approximately 20 evenly spaced horizontal black lines across its entire width, typical of notebook or legal stationery. The background is a solid off-white color, and there are no margins, text, or other markings present.



BORANG USUL
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA
KALI KE-12 TAHUN 2026

KOPERASI

:

ALAMAT

:

EMEL

:

NO. TELEFON

:

Bersama-sama ini dikemukakan usul-usul untuk dipertimbangkan di MAPT Kali Ke-12 Tahun 2026 seperti berikut :

Usul 1:

Usul 2:

(Gunakan kertas berasingan jika ruang ini tidak mencukupi)

Tandatangan

:

Nama

:


Jawatan

:

(Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)

Tarikh

:



Cop Koperasi

Tandatangan

:

Nama

:

Jawatan

:

(Pengerusi / Setiausaha / Bendahari)

Tarikh

:

Borang perlu dikembalikan sebelum 17 April 2026 (Jumaat) sebelum jam 5 petang.

Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA)
Unit 209-509, Block C, Glomac Business Center,
No. 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

No. Telefon : 03-7803 1214
No. Faks : 03-7803 1204
Emel : info@kopsya.coop
Website : www.kopsya.coop



**BORANG SOALAN
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN (MAPT) KOPSYA
KALI KE-12 TAHUN 2026**

NAMA : _____

KOPERASI : _____

NO. KEANGGOTAAN : _____

Agenda : _____

Soalan : _____

(Gunakan kertas berasingan jika ruang ini tidak mencukupi)

Tandatangan :

Nama Perwakilan :

Borang perlu dikembalikan sebelum 12 Jun 2026 (Jumaat) sebelum jam 5 petang.

Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA)

Unit 209-509, Block C, Glomac Business Center,
No. 10, Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

No. Telefon : 03-7803 1214
No. Faks : 03-7803 1204
Emel : info@kopsya.coop
Website : www.kopsya.coop